Gaji lebih tinggi pikat profesional

BH - 28/2/2007.

Kerajaan usaha saingi tawaran sektor swasta

Oleh Anwar Hussin dan Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedia menawarkan gaji sehingga 70 peratus daripada yang diberi sektor swasta kepada profesional tempatan yang kini berkhidmat di luar negara untuk pulang dan bekerja dalam sektor awam di negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata, kerajaan bersedia membayar gaji yang lumayan kepada mereka sebagai galakan untuk pulang berbakti di tanah air sendiri.

Katanya, kadar gaji yang ditawarkan itu adalah melebihi daripada yang diterima kakitangan awam dan kerajaan percaya sumbangan serta pengamalan yang ada pada mereka dapat menarik minat pelabur ke negara ini.

"Walaupun pembayaran ini tidak setaraf seperti yang diterima dalam sektor swasta, mereka mendapat banyak kelebihan bekerja dengan kerajaan," katanya selepas merasmikan penubuhan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) di sini semalam.

Beliau berkata, profesional seperti arkitek, jurutera, akauntan dan sebagainya amat diperlukan bagi mencurahkan bakti serta berkongsi pengetahuan, kemahiran ke arah memajukan lagi negara.

Katanya, kerajaan kini dalam proses mewujudkan satu pasaran modal dan pasaran kewangan yang canggih serta menjadikan negara ini dihormati pada peringkat antarabangsa.

"Penubuhan KWAP atau badan berkanun lain perlu diuruskan secara profesional oleh mereka yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi.

"Perlu ada fleksibiliti bagi menarik perhatian anak Malaysia yang berbakat tapi bertugas di negara asing seperti di Hong Kong, Singapura, London, New York dan lain-lain, pulang semula bagi berbakti di negara ini.

> *"Perlu ada fleksibiliti bagi menarik perhatian anak Malaysia yang berbakat tapi bertugas di Hong Kong, Singapura, London, New York dan lain-lain"*
>
> **Nor Mohamed Yakcop**
> *Menteri Kewangan Kedua*

"Saya percaya mereka akan pulang dan bertugas di sini bagi memberi sumbangan bermakna," katanya.

Nor Mohamed berkata, kerajaan mengenal pasti antara sebab warga Malaysia bertugas di luar negara adalah kerana golongan ini beranggapan negara tidak menyediakan pekerjaan yang mencukupi atau sumbangan mereka tidak diiktiraf.

"Ada berpendapat mereka tidak akan memperoleh gaji yang munasabah. Jadi kerajaan akan menarik mereka dengan membanyakkan kerja serta jawatan baru seperti di Khazanah, MAS, KWAP, Bank Negara dan lain-lain.

"Kita juga akan memberi gaji yang lebih kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berharap perkara ini akan disebar serta disedari mereka yang kini bertugas di luar negara bahawa ada peluang dan gaji lumayan di negara sendiri.

Katanya, dengan modal insan yang cekap, berpengetahuan, mahir, berinovasi dan sistematik adalah faktor penting dalam usaha membangunkan sesebuah negara.

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA